

SENI POTONGAN GEOMETRI DALAM PENGHASILAN REKA BENTUK BAJU KURUNG KEDAH DAN BAJU KURUNG TELUK BELANGA ALAM MELAYU

*(THE GEOMETRICAL PATTERNS IN DESIGNING BAJU
KURUNG KEDAH AND BAJU KURUNG TELUK BELANGA OF
THE MALAY WORLD)*

Ros Mahwati Ahmad Zakaria & Aszulhida Azman

Abstrak

Geometri merupakan bentuk asas yang digunakan dalam pembinaan dan juga penghasilan sesuatu objek. Pakaian merupakan satu daripada objek budaya yang dihasilkan menggunakan bahan organik ataupun sintetik bagi menutup bahagian tertentu atau sebahagian atau keseluruhan bahagian badan manusia. Baju Kurung ialah sejenis pakaian yang dikaitkan dengan masyarakat Melayu di Asia Tenggara yang lebih dikenali sebagai alam Melayu. Baju Kurung dihasilkan daripada beberapa bentuk potongan geometri yang menarik. Bentuk-bentuk geometri ini digunakan bagi memberi keselesaan pemakai setelah siap dijahit. Baju Kurung digunakan oleh orang lelaki dan perempuan di alam Melayu. Kaedah kualitatif iaitu pemerhatian lapangan digunakan bagi mendapatkan bentuk-bentuk potongan Baju Kurung yang terdiri daripada Baju Kurung Kedah dan Baju Kurung Teluk Belanga dalam abad ke-20 sehingga kini dalam membincangkan penggunaan bentuk geometri dalam penghasilan baju kurung. Sebanyak sepuluh helai Baju Kurung yang terdiri daripada koleksi artifak muzium dan orang perseorangan untuk diteliti, diukur dan didokumenkan dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati daya kreativiti masyarakat Melayu menggunakan bentuk-bentuk geometri dalam penghasilan Baju Kurung menjadikannya pakaian yang bersesuaian dengan budaya dan persekitaran kehidupan mereka. Dapatan kajian berkaitan potongan pakaian ini juga boleh membantu pereka pakaian memahami fungsi setiap potongan yang digunakan dalam Baju Kurung supaya ianya diambil kira ketika mereka membuat rekaan pakaian Baju Kurung untuk generasi hari ini.

Kata kunci: Pakaian, alam Melayu, baju kurung, Islam, Asia Tenggara

Abstract

Geometry is a basic form that has been used in the construction and production of objects. Clothing is one of the cultural objects made from organic and synthetic materials to cover the human body either in part or in whole. Baju Kurung traditional clothing is one normally associated with the Malay community in Southeast Asia known as the Malay world. Baju Kurung is made from attractively designed from a combination of several geometric patterns. This geometric pattern is used to allow the wearer to feel comfortable after the garment is sewn. Baju Kurung used by men and women in the Malay world. A qualitative research approach is used to study the cutting patterns of Baju Kurung Kedah

and Baju Kurung Teluk Belanga from 20th century design to the present in discussing the use of geometric patterns in the making of Baju Kurung. There are 10 pieces of Baju Kurung consisting of a collection of museum artifacts, and individuals to be investigated, measured, and documented in this study. The results showed the creativity of the Malay community use geometric patterns in production Baju Kurung for making clothes that fit the culture and environment in which they live. The findings of this study related to fabric cutting can also provide a useful explanation to understand the function of each cut used in Baju Kurung which is included in the design of Baju Kurung clothing for today's generation.

Keywords: *Clothe, Malay world, baju kurung, Islam, Southeast Asia*

PENGENALAN

Pakaian dan kehidupan adalah ibarat aur dan tebing yang tidak dapat dipisahkan. Pakaian dan budaya yang diwarisi oleh setiap bangsa di dunia ini akhirnya melahirkan dunia fesyen yang menjadi satu daripada cabang ekonomi yang penting dunia pada hari ini. Perbincangan tentang pakaian tradisional sangat sinonim dengan adat, tradisi, masyarakat, status, majlis keraian tradisional dan pengaruh yang mempengaruhi proses inovasi dan evolusi yang dilalui oleh pakaian tradisional tersebut.

Menurut Hansen (2004), pakaian adalah sebahagian daripada kehidupan masyarakat yang menggunakannya. Masyarakat yang membentuk keperluan pakaian berdasarkan kepada cara hidup dan persekitaran yang mereka diami. Namun menurut beliau perkara yang paling penting dalam penyelidikan pakaian ialah badan pemakai. Badan yang menentukan pakaian itu boleh dipakai, sesuai dipakai, cantik dipakai atau sebaliknya. Pakaian telah mendapat perhatian pengkaji daripada pelbagai bidang seperti sejarah, antropologi, seni, budaya, grafik dan sebagainya kerana ia adalah subjek yang sangat universal dan dekat dengan manusia.

Geometri merupakan satu daripada bidang ilmu yang digunakan dalam matematik. Selain daripada pengiraan, geometri menghasilkan beberapa bentuk yang mampu membentuk sesuatu objek yang berseni atau mempunyai nilai estetika dan mempunyai fungsi dalam kehidupan manusia seperti pakaian. Pakaian yang dikenali sebagai Baju Kurung merupakan pakaian tradisional masyarakat Melayu. Pakaian ini terhasil daripada beberapa potongan berbentuk geometri yang disambungkan di beberapa bahagian untuk dijadikan pakaian. Kebolehan menggabungkan beberapa bentuk geometri untuk menghasilkan sesuatu struktur dikenali sebagai bahasa geometri iaitu satu kemampuan seseorang manusia yang paling awal sejak mereka lahir (Amalric M. et al. 2017).

Kajian berkaitan seni geometri selalunya bertumpu kepada bentuk geometri yang sama yang melibatkan proses pengulangan dan gabungan yang banyak digunakan dalam seni bina bagi hiasan jubin. Seni bina Islam adalah yang paling banyak mempamerkan penggunaan konsep geometri sebagai satu daripada medium estetika seni bina. Walau bagaimanapun, gabungan bentuk geometri berlainan dalam rekaan pakaian tradisional adalah sangat jarang diketengahkan.

Kemampuan mereka dan menyusun bentuk-bentuk geometri seperti yang terdapat dalam rekaan pakaian tradisional masyarakat Melayu juga dikenali sebagai *Geometric Concept of Tessellation*.

"Tessellation" can be defined as a pattern of more than one shape which completely covers a certain plane. The regular splitting method of a plane is a method which leaves no gaps by using a certain shape, completely fills out the space without overlapping, and does not allow for overlapping of shapes or gaps. (Lee et al. 2015). Rekaan Baju Kurung yang menggunakan lebih daripada satu bentuk geometri dalam menghasilkan pakaian yang mampu menutup permukaan badan tanpa ada pertindihan atau ruang yang tidak ditutup'.

Baju Kurung sangat sinonim dengan masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu sangat sinonim dengan Islam. Alam Melayu merupakan satu daripada kawasan yang mempunyai sejarah kerajaan pemerintahan Islam yang unik kerana kawasan ini terdiri daripada daratan dan kepulauan berbanding dengan kerajaan Islam besar lain yang kebanyakannya berada di daratan. Alam Melayu merupakan sebahagian daripada legasi dunia Islam yang menyumbang kepada keunikan seni dan budaya Islam. Daripada segi istilah, Baju Kurung terbentuk daripada dua patah perkataan iaitu baju dan kurung. Baju bermaksud pakaian untuk menutup bahagian badan (Kamus Dewan 2015). Manakala kurung pula dikaitkan dengan ajaran agama Islam yang menjadi pegangan majoriti pemerintah alam Melayu bermula pada abad ke-14 (Asliza et. al. 2015; Fang 2003). Perkaitan antara Baju Kurung dan ajaran Islam ini bersesuaian dengan apa yang disebut oleh Entwistle (2015) iaitu pakaian mempunyai nilai intrinsik dalam menonjolkan siapa diri si pemakai di hadapan khalayak dengan pengayaan yang berlainan. Pernyataan ini sangat sesuai dengan konsep Baju Kurung yang merupakan pakaian kehidupan masyarakat Melayu bagi menonjolkan masyarakat Melayu sebagai masyarakat yang beragama Islam dan berbudaya Melayu. Baju Kurung dikatakan telah wujud sejak 600 tahun yang lalu (Asliza 2014) di mana ia boleh dianggarkan mula dihasilkan sekitar tahun 1400 atau sekitar abad ke-15 Masihi yang seiring dengan zaman kegemilangan Islam di alam Melayu sebelum kedatangan kuasa Barat.


Seiring dengan Baju Kurung, Baju Kebaya mempunyai variasi potongan yang sangat ketara daripada segi panjang dan pendek baju. Baju kebaya yang paling panjang boleh mencecah sehingga bawah betis manakala yang pendek pula ialah pada paras pinggul. Berbanding baju kurung, baju kebaya lebih menyerlahkan bentuk badan pemakai.

PRINSIP REKA BENTUK DAN GEOMETRI DALAM REKAAN BAJU KURUNG

Pakaian tradisional seperti Baju Kurung adalah pakaian yang direka sebelum kemunculan pelbagai alat moden dan dihasilkan untuk membuat pakaian. Rekod berkaitan reka bentuk Baju Kurung menyatakan bahawa ianya diperkembangkan di Johor oleh seorang pembesar yang bernama Temenggong Hassan di akhir abad ke-19 Masihi. Semasa pemerintahan Sultan Ibrahim (1886 – 1919), sekeping koeck kecil ditambah di bahagian kiri badan, antara ketinggian dada dan pinggang (Siti Zainon Ismail 2006). Di pertengahan 1950-an, poket ini dibuat tersorok di antara pesak supaya tampak kemas (Asliza et al. 2015).

Namun begitu masyarakat Melayu mampu menghasilkan pakaian yang cantik menggabungkan beberapa bentuk geometri asas. Dalam setiap rekaan barangan tradisional mahupun moden, konsep seimbang atau simetri sering dititik beratkan. Baju Kurung mempunyai rekaan yang sangat simetri dan kesilapan yang kecil dalam potongan atau ukuran boleh menjadikan Baju Kurung yang dihasilkan tidak seimbang dan cantik ketika dipakai.

Selain daripada simetri, pemilihan bentuk geometri yang digunakan juga sangat sesuai dengan bahagian baju dan bentuk badan manusia. Geometri mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan matematik. Penggunaan bentuk matematik dalam pendidikan awal kanak-kanak dianggap sebagai satu pendedahan awal yang baik kepada matematik (Swoboda & Vighi 2016). Perkataan geometri berasal daripada perkataan Yunani yang terdiri daripada dua perkataan iaitu 'Geo' yang bermaksud bumi dan 'Metron' yang bermaksud ukuran. Ilmu geometri dikembangkan dan digunakan oleh beberapa ahli cendekiawan Yunani seperti Pythagoras dan Thales (550 SM) serta Euclid dan Plato (330 SM). Euclid yang dikenali sebagai bapa geometri telah memperkenalkan dua bentuk geometri dalam teori geometri Eulclidean iaitu *plane geometry* yang merupakan bentuk 2 dimensi dan *solid geometry* yang merupakan bentuk 3 dimensi (Heath 1956). Baju Kurung terhasil daripada gabungan kedua-dua bentuk geometri iaitu daripada potongan 2 dimensi menjadi bentuk geometri 3 dimensi iaitu yang mempunyai ukuran panjang, lebar dan tinggi.



Rajah 1. Rekaan geometri 2 dimensi ke 3 dimensi

Dalam bidang reka bentuk, terdapat enam unsur seni yang mesti diketahui oleh seseorang pereka. Unsur seni tersebut ialah garisan, rupa bentuk, jalinan, ruang dan warna (Charlotte 1995.). Lima daripada enam unsur seni ini terdapat dalam reka bentuk Baju Kurung. Ia mempunyai garis potongan yang lurus di hampir keseluruhan rekaan dan melengkung di bahagian leher untuk tujuan di sarung di atas kepala hingga ke leher. Ia mempunyai rupa bentuk baik sebagai bahagian potongan dan membentuk satu rupa bentuk yang lebih kompleks selepas ia dijalinan. Jalinan yang digunakan pada Baju Kurung sangat tepat daripada segi sudutnya kerana ia menggunakan potongan bentuk geometri yang bersisi dan bersudut yang khusus. Bahagian-bahagian potongan kain yang di hasilkan yang kemudiannya menghasilkan satu reka bentuk Baju Kurung mempunyai ruang yang bersesuaian dengan saiz badan pemakai. Unsur terakhir iaitu warna terhasil daripada pemilihan bahan iaitu kain yang digunakan untuk membuat Baju Kurung.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif piawai yang digunakan di muzium bagi merekodkan dan mendokumenkan rekaan potongan dan jahitan yang digunakan pada pakaian wanita Melayu menggunakan kaedah sistematik di mana artifak pakaian yang direkodkan diletakkan secara mendatar. Potongan setiap bahagian baju direkodkan menggunakan kamera dan dilakarkan semula menggunakan program *Adobe Photoshop* bagi mendapatkan perspektif yang jelas bagi setiap garis potongan dan jahitan dalam menjelaskan perkembangan dan evolusinya. Proses ini dijalankan secara tersusun supaya imej yang dihasilkan adalah jelas. Bentuk geometri yang dikeluarkan daripada potongan baju dianalisis menggunakan teori reka bentuk geometri '*Euclidean Geometry*' atau geometri Euclidean.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Potongan dan pakaian adalah dua perkataan yang sangat sinonim. Baju Kurung merupakan pakaian tempatan yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu. Menurut Asliza et al. (2015), rupa bentuk Baju Kurung terdiri daripada segi empat dua sama untuk bahagian badan dan tangan, segi empat tak sama untuk pesak, segi empat tepat yang dilihat menyerong bagi membentuk segi tiga untuk bahagian kekek dan bulatan yang ditebuk untuk bahagian leher. Pembentukan corak geometri dalam reka bentuk Baju Kurung menggunakan ukuran yang tepat adalah penting kerana ia membentuk corak geometri Euclidean (seperti Rajah 2).

Potongan-potongan yang dihasilkan menggunakan ukuran badan pemakai dengan mengikut sistem ukuran tradisional yang menggunakan anggota tangan seperti jari, tapak tangan dan lengan.

Jika unit ukuran metrik sekarang menggunakan unit milimeter, sentimeter dan inci, unit ukuran tradisional yang digunakan untuk membuat Baju Kurung sebelum ukuran metrik digunakan ialah seperti jengkal, hasta dan jari. Walaupun ia bukan ukuran yang seragam tetapi tukang jahit dalam masyarakat Melayu berjaya menghasilkan pakaian yang praktikal, cantik dan sesuai dengan pemakai. Walaupun pada hari ini alat ukuran piawai yang menggunakan ukuran metrik seperti tali pengukur dan pembaris tukang jahit boleh didapati dengan mudah tetapi terdapat tukang jahit daripada aliran tradisional yang masih menggunakan ukuran tradisional ketika membuat pakaian Baju Kurung.

Pakaian Baju Kurung yang dihasilkan daripada konsep *tessellation* geometri di atas bersesuaian dengan konsep berpakaian dalam ajaran Islam yang menitikberatkan tentang penutupan anggota badan wanita yang beragama Islam. Dari Barat hinggalah ke Timur, terdapat pelbagai bentuk potongan pakaian yang digunakan oleh wanita Islam bagi memenuhi tuntutan ajaran agama Islam. Di alam Melayu, pakaian wanita telah mengalami beberapa peringkat evolusi daripada segi potongannya mengikut fahaman agama yang dianuti oleh ahli masyarakat kerajaan maritim ini. Di alam Melayu terdapat dua jenis potongan baju yang digunakan oleh wanita untuk menutup bahagian badan mereka iaitu Baju Kurung dan Baju Kebaya. Tiga bentuk geometri Euclidean yang digunakan dalam rekaan Baju Kurung ialah segi empat sama, segi empat tepat dan bulatan.




Rajah 2. Bentuk Geometri Euclidean dalam rekaan Baju Kurung


POTONGAN BENTUK GEOMETRI PADA BAJU KURUNG KEDAH

Di alam Melayu terdapat beberapa jenis Baju Kurung yang dipakai oleh wanita Melayu Islam mengikut daerah dan status sosial seseorang pemakai. Dalam kajian ini, empat jenis potongan Baju Kurung tradisional Melayu digunakan iaitu Baju Kurung Kedah, Baju Kurung Riau, Baju Kurung Teluk Belanga dan Baju Kurung Cekak Musang. Walaupun mempunyai nama asal yang sama, setiap jenis Baju Kurung ini mempunyai ciri potongan bentuk geometri yang sedikit berbeza. Secara amnya, Baju Kurung terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu badan dan tangan. Baju Kurung tradisional selalunya akan dipadankan dengan kain sarung ataupun kain lepas.

Baju Kurung Kedah mempunyai bentuk rekaan bentuk geometri yang paling ringkas. Ia bersesuaian dengan fungsinya sebagai pakaian harian yang digunakan oleh kaum wanita daripada golongan rakyat yang bekerja sebagai suri rumah dan petani. Ia mempunyai bentuk potongan yang ringkas iaitu berbentuk segi empat tepat. Potongan segi empat tepat dijadikan permukaan pakaian untuk bahagian lengan baju untuk potongan bersaiz kecil dan bahagian badan untuk potongan yang lebih besar. Secara amnya, hanya 3 potongan diperlukan untuk menghasilkan baju ini iaitu dua potongan saiz segi empat tepat yang sama untuk kedua bahagian tangan dan satu potongan untuk dijadikan bahagian badan. Potongan ini kemudiannya dilipat dua yang menghasilkan bentuk simetri bagi menghasilkan bahagian depan dan belakang seperti dalam Rajah 3.




Rajah 3. Potongan dan lipatan kain untuk membuat Baju Kurung Kedah tradisional



Rajah 4. Reka bentuk Baju Kurung Kedah tradisional yang telah menggabungkan bentuk-bentuk geometri segi empat tepat

Di tengah lipatan bahagian B akan ditebuk dalam bentuk bulatan untuk memasukkan kepala dan leher. Bahagian ini dipanggil leher baju. Bagi mengelakkan bahagian ini perlu dipotong lebih besar supaya ia boleh di sarung melalui kepala dan supaya ia terletak di bahagian pangkal leher dengan cantik, satu potongan pendek garisan lurus dibuat di bahagian hadapan. Potongan bulat yang dilakukan lebih banyak diletakkan di bahagian hadapan baju supaya apabila dipakai, bahagian baju depan dan belakang akan berada pada paras yang sama dan tidak terjongket di depan.

Potongan Baju Kurung Kedah ialah potongan geometri 2 dimensi di mana ia hanya melibatkan permukaan depan dan belakang tanpa parameter tepi yang mampu menjadikan ia 3 dimensi.



Rajah 5. Kedudukan potongan leher Baju Kurung menggunakan ukuran metrik moden.

Jadual 1. Bilangan permukaan bentuk geometri pada Baju Kurung Kedah

Poligon	Baju Kurung Kedah
Muka Rata	6
Muka Lengkung	Tiada
Tepi	10
Bucu	8


Potongan Baju Kurung Kedah tradisional ini direka untuk membolehkan kaum wanita yang memakainya melakukan kerja rumah dan kerja berhampiran dengan rumah dengan mudah daripada segi pergerakan kerana potongan badan baju yang singkat sehingga di paras punggung memudahkan seseorang untuk melangkah. Potongan tangan baju yang pendek di paras siku berbanding potongan tangan Baju Kurung yang lain menjadikan kerja harian kaum wanita lebih mudah tanpa perlu melipat lengan baju bagi mengelak basah atau kotor.

Namun begitu, potongan Baju Kurung Kedah moden yang terdapat di pasaran pada hari ini telah mengalami sedikit perubahan terutamanya pada potongan tangan baju. Potongan bahagian ini telah dipanjangkan supaya ia dapat menutup keseluruhan tangan pemakai. Baju Kurung Kedah moden ini telah digunakan oleh kaum wanita untuk fungsi separuh rasmi seperti pakaian ke tempat kerja dan pakaian ke majlis-majlis rasmi seperti majlis jamuan atau majlis perkahwinan.

POTONGAN GEOMETRI PADA BAJU KURUNG TELUK BELANGA

Baju Kurung Teluk Belanga adalah pakaian yang sangat sinonim dengan golongan bangsawan di negeri yang terletak paling selatan di Semenanjung Malaysia iaitu Johor. Ia merupakan pakaian wanita yang dipadankan dengan pelbagai jenis sarung mengikut cita rasa dan kemampuan pemakai. Baju Kurung Teluk Belanga mempunyai bentuk potongan leher yang sama dengan Baju Kurung Kedah tetapi potongan bahagian badan dan tangan yang lebih panjang dengan penambahan bahagian tepi di kiri dan kanan yang dipanggil pesak serta bahagian bawah ketiak yang dipanggil


kekek. Kedua-dua bahagian tambahan ini juga mempunyai bentuk geometri dan fungsi yang tersendiri.



Rajah 6. Reka bentuk depan dan belakang Baju Kurung Teluk Belanga

Bentuk-bentuk geometri yang digunakan dalam penghasilan Baju Kurung Teluk Belanga ialah segi empat sama, segi empat tepat dan bulat. Perbezaan rekaan Baju Kurung Teluk Belanga dan Baju Kurung Kedah ialah penambahan di bahagian sisi baju yang dikenali sebagai pesak yang berbentuk segi empat tepat. Ia juga menggunakan potongan segi empat sama untuk bahagian bawah lengan yang disambung dengan bahagian tangan dan pesak baju.

Baju Kurung Teluk Belanga menggunakan potongan bentuk bulat yang sama dengan Baju Kurung Kedah untuk bahagian atas baju untuk bahagian kepala dan leher. Jika dibentangkan rekaan 3 dimensi baju kurung, ia akan memperlihatkan dengan lebih jelas bentuk potongan geometri yang digunakan dalam reka bentuk pakaian ini di mana bentuk segi empat sama merupakan bentuk utama yang membentuk struktur baju kurung.



Rajah 7. Bentangan bentuk Baju Kurung Teluk Belanga

Bahagian pesak untuk Baju Kurung mempunyai dua gaya bentuk potongan geometri. Yang pertama, ia boleh menggunakan bentuk segi empat sama dan yang kedua, yang menggunakan bentuk trapezium. Penggunaan segi empat sama akan menghasilkan potongan pakaian yang lurus daripada atas hingga bawah baju. Manakala bentuk trapezium akan menghasilkan potongan baju yang lebih besar dan kembang di bahagian bawah. Penambahan bahagian pesak juga menjadikan Baju Kurung Teluk Belanga sebagai bentuk geometri 3 dimensi yang mempunyai ukuran panjang lebar dan tinggi.

Jadual 2. Bilangan permukaan bentuk geometri pada Baju Kurung Teluk Belanga

Poligon	Baju Kurung Teluk Belanga
Muka Rata	14
Muka Lengkung	Tiada
Tepi	14
Bucu	18

Ketelitian pereka Baju Kurung Teluk Belanga iaitu Maharaja Abu Bakar yang merupakan pemerintah Negeri Johor di awal abad ke-20 Masihi adalah sangat baik. Bahagian yang paling unik ialah di bahagian sambungan pesak, kekek dan tangan baju. Kekek yang berbentuk segi empat tepat memainkan peranan yang penting menyambungkan kesemua bahagian tanpa ada pertindihan walaupun mempunyai bentuk yang berbeza. Kedudukannya membolehkan ia disambung dengan baik dan sekali gus memberikan ruang yang lebih luas untuk tujuan pengudaraan di bahagian ketiak yang secara semula jadi akan berpeluh jika dalam keadaan panas. Ini adalah satu hasil pemerhatian yang sangat berkesan dalam menyelesaikan masalah kesan peluh pada baju.

Penggunaan pesak di bahagian tepi kiri dan kanan baju memberikan baju kelebaran yang bersesuaian pada baju dan keselesaan kepada pemakai tanpa melibatkan potongan yang besar pada bahagian badan. Ini boleh dikatakan sebagai satu ‘muslihat’ yang dapat menyembunyikan kegempalan pemakai. Potongan bahagian pesak tidak mempunyai saiz yang piawai tetapi ia mempunyai bentuk yang piawai.

Potongan tangan dan badan baju yang panjang bagi rekaan Baju Kurung Teluk Belanga ini secara simboliknya mengawal pergerakan wanita daripada segi langkah yang menutup keseluruhan tangan yang dikategorikan sebagai aurat wanita Islam. Pakaian Baju Kurung tradisional sebegini lebih sesuai digunakan oleh wanita untuk urusan di luar rumah kerana ia lebih sopan dan kemas.

Reka bentuk Baju Kurung terus berkembang sehingga hari ini namun ia masih mengekalkan nama pada bahagian baju seperti badan, tangan, kekek dan pesak walaupun terdapat perubahan daripada segi potongan yang dipermudahkan bagi tujuan memaksimumkan penggunaan kain dan juga mempercepatkan proses menjahit pakaian. Pakaian Baju Kurung telah mula dijual sebagai barangan komersil dan ia dihasilkan secara pukal. Berbanding dengan penghasilan Baju Kurung secara tradisional yang sangat teliti dan mengambil masa kerana ia dihasilkan dengan jahitan tangan dan memerlukan setiap sambungan dijahit sebanyak dua kali bagi memastikan kekemasan.

Jahitan Baju Kurung Teluk Belanga pada hari ini telah diringkaskan bentuk potongannya. Ia turut menggabungkan beberapa bentuk potongan moden seperti ‘*Princess Cut*’ yang menjadi pilihan untuk penggunaan material yang berat seperti lycra. Pilihan potongan baju kurung untuk tujuan komersil ini tidak mementingkan seni tetapi lebih kepada penjimatan masa, kos dan tenaga kerja.

Kearifan tempatan masyarakat Melayu dalam penghasilan pakaian Baju Kurung adalah sangat unik berbanding dengan pakaian tradisional Melayu yang lain. Ia merupakan satu karya yang memanfaatkan kemahiran pemerhatian, pengiraan, reka bentuk dan jahitan.

KESIMPULAN

Baju kurung merupakan satu daripada ratusan reka bentuk tradisional yang dihasilkan daripada kearifan tempatan alam Melayu. Terdapat pelbagai nama dan jenis Baju Kurung di alam Melayu. Potongan asas Baju Kurung ialah Baju Kurung Kedah dan Baju Kurung Teluk Belanga. Jenis potongan bentuk geometri yang digunakan adalah sama untuk dipakai oleh kaum lelaki ataupun wanita. Perbezaan hanya diperoleh pada ukuran labuh baju untuk kaum lelaki dan wanita. Kesemua bentuk geometri yang digunakan pada rekaan baju kurung mempunyai fungsi yang tertentu pada Baju Kurung untuk keselesaan pemakai dalam cuaca khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun. Baju Kurung juga menjadi simbol pakaian Islam wanita bagi masyarakat Melayu. Pemakaian pakaian wanita Melayu terikat dengan pemakaian pakaian wanita Islam dan Baju Kurung tradisional memenuhi kesemua syarat yang ditetapkan dalam ajaran Islam. Ketelitian pemerhatian dan kebolehan adaptasi bentuk-bentuk geometri oleh masyarakat Melayu dalam menghasilkan pakaian Baju Kurung mempunyai nilai estetika yang tinggi.

RUJUKAN

- Amalric M, Wang L, Pica P, Figueira S, Sigman M, Dehaene S. 2017. The language of geometry: Fast comprehension of geometrical primitives and rules in human adults and preschoolers. *PLoS Comput Biol* 13(1): e1005273.
- Asliza Aris, Norwani Mohd Nawawi, Saemah Yusof. 2015. Refleksi Islam dalam Pakaian Tradisional Melayu: Baju Kurung. Dibentangkan pada ICOMHAC 2015, Langkawi, Kedah, pada 16 & 17 Disember. [Diakses pada 30 Jun 2020].
- Asliza Aris. 2014. The Evolution and Transformation Of Baju Kurung In The Peninsular Of Malaysia. Tesis Dr. Fals. Universiti Teknologi Mara.
- Charlotte Jirousek. 1995. *Art, Design, and Visual Thinking*. An online, interactive textbook. <http://char.txa.cornell.edu/> [Diakses pada 10 September 2020].
- E. Swoboda, P. Vighi. 2016. *Early Geometrical Thinking in the Environment of Patterns, Mosaics and Isometries*. Springer: Switzerland.
- Entwistle, J. 2015. *The Fashioned Body, Fashion, Dress and Modern Social Theory*. Cambridge, Mass: Polity Press.
- Hansen, K. 2004. The World in Dress: Anthropological Perspectives on Clothing, Fashion and Culture. *Annual Review of Anthropology* 33(1): 369-392.
- Kamus Dewan*. 2015. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fang, Liaw Yock. 2003. *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Heath, Thomas L. 1956. *The Thirteen Books of Euclid's Elements*. Ed. 2. Original publication: Cambridge University Press.
- Lee, Jin-Young. Sung-Wook Kim. You-Chang Jeon. 2015. Study of the Control of Geometric Pattern Using Digital Algorithm (with Focus on Analysis and Application of the Islamic Star Pattern). *Advances in Materials Science and Engineering Volume 2-3*: 1-14.
- Siti Zainon Ismail. 2006. *Pakaian Cara Melayu*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Ph.D
Felo Penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi
Selangor
E-mel: rosmahwati@ukm.edu.my

Aszulhida Azman
Calon Ph.D
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi
Selangor
E-mel: rosmahwati@ukm.edu.my

Received : 18 May 2020
Accepted : 24 July 2020
Published : 30 September 2020